

# PANDUAN DAN PERATURAN PEMAKAIAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT PERSEKUTUAN

## Panduan Am Pemakaian

1. Semua kurniaan Persekutuan/Negeri hendaklah dipakai bersama pakaian rasmi.
2. **Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan (DKBPP)** mengambil keutamaan daripada **Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Negeri (DKBPN)**.
3. Jika menerima dua atau lebih DKBPN, panduan berikut boleh digunakan.
4. Pemakaian hendaklah mengutamakan **Darjah Kebesaran** diikuti **Bintang** dan seterusnya **Pingat**.
5. Jika mempunyai lebih daripada satu Darjah Kebesaran Negeri dan hadir dalam satu majlis anjuran negeri berkenaan maka Darjah Kebesaran Negeri yang berkenaan boleh diberi keutamaan.
6. Pemakaian DKBPP bergantung juga kepada **jenis dan masa** majlis rasmi diadakan.
  - a. Mengikut kekananan kurniaan tersebut;
  - b. Mengikut tarikh penerimaan kurniaan tersebut; atau
  - c. Penerima juga boleh mengutamakan Darjah Kebesaran yang diterima dari negeri kelahirannya.

## A. Tatacara Pemakaian Kalung

1. Kalung hanya boleh dipakai pada **hari kalung**.
2. Kalung **tidak boleh** dipakai pada waktu **malam**.
3. **Kalung dan selepang** daripada **Darjah Kebesaran Persekutuan yang sama tidak boleh dipakai serentak** dalam satu masa.
4. Hanya **satu kalung** boleh dipakai pada **satu-satu masa**.
5. Kalung hendaklah dipakai terletak **sama labuh** (depan dan belakang).
6. Jika memakai pakaian istiadat, kalung hendaklah **disusupkan di bawah epolet**.
7. **Hari Kalung, di antaranya ialah:**
  - a. Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan (DKBPP);
  - b. Istiadat Pembukaan Sidang Parlimen dan Majlis Pembukaan Dewan Undangan Negeri;
  - c. Istiadat Pertabalan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong / Kebawah Duli Yang Maha Mulia / Duli Yang Maha Mulia di Negeri / Sultan / Raja;
  - d. Istiadat Mengucap Selamat Berangkat Pulang Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong;
  - e. Istiadat Menyambut Keberangkatan Tiba Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong;
  - f. Istiadat Melafaz Sumpah Jawatan dan Tandatangan Perisytiharan Memegang Jawatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong;
  - g. Hari berangkat Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk lawatan rasmi ke negeri-negeri; dan
  - h. Hari-hari lain yang ditentukan oleh Jabatan Perdana Menteri.






Gambar 1: Pemakaian kalung daripada pandangan hadapan dan belakang



Gambar 2: Pemakaian kalung S.M.N. beserta selepang P.S.M.

## B. Tatacara Pemakaian Bintang Darjah

1. Bintang darjah hendaklah dipakai di rusuk sebelah kiri dada.
2. Pemakaian hendaklah **tidak melebihi** tiga bintang darjah pada satu masa.
3. Bintang darjah yang terkanan hendaklah disematkan di tengah-tengah saku baju (bucunya 0.5 cm dari mulut saku).
4. Jika mempunyai dua bintang darjah boleh disematkan di bawah dari yang pertama dan jika tiga, dalam bentuk tiga segi dengan yang terkanan lebih hampir dengan tengah dada.



Gambar 3: Susunan bintang darjah mengikut bilangan yang diterima

## C. Tatacara Pemakaian Selejang

1. Selejang bagi Darjah Kebesaran **D.K.M.** dan **D.M.N.** (yang dikurniakan kepada Kerabat Diraja) hendaklah dipakai dari **bahu kiri ke pinggang kanan**. Lencana darjah tersangkut pada bawah ikatan reben dan terletak tepat pada jalur seluar.
2. Selejang bagi Darjah-darjah Kebesaran yang lain (**S.M.N.**, **S.S.M.**, **P.M.N.**, **P.S.M.**, **P.J.N.** dan **P.S.D.**) dipakai dari **bahu kanan ke pinggang kiri**.
3. Jika memakai pakaian seragam beristiadat (*No. 1 Dress*), selejang hendaklah **disusupkan di bawah epolet**.
4. Jika memakai pakaian kebangsaan rasmi, selejang hendaklah **tersusup di bawah bengkung**.
5. Jika memakai *mess kit*, selejang hendaklah dipakai **di bawah jaket dan disusupkan di bawah bengkung**.



**D.M.N.**



**P.S.D.**

Gambar 4: Pemakaian selejang bagi Darjah Kebesaran D.M.N. dan P.S.D. dengan pakaian kebangsaan rasmi

## D. Tatacara Pemakaian Lencana Leher

### 1. Majlis Siang

- a. Satu hingga tiga lencana leher boleh dipakai untuk satu-satu masa dengan yang terkanan terletak di bahagian atas (paling hampir dengan kolar baju);
- b. Lencana leher hendaklah dipakai tergantung pada reben pendek (berukuran 2.5 cm) yang disemat pada perumah di kolar baju.



Gambar 5: Pemakaian lencana leher pada majlis siang

### 2. Majlis Malam

- a. Apabila menghadiri majlis pada waktu malam, hanya **satu lencana leher** boleh dipakai.
- b. Jika dipakai dengan *mess kit*, lencana leher hendaklah dipakai tergantung pada reben di bawah *bow tie* bagi lelaki dan dibawah kolar baju bagi wanita.



Gambar 6: Pemakaian lencana leher pada majlis malam

## E. Tatacara Pemakaian Bintang / Pingat

1. Buah bintang / pingat yang tergantung pada reben dipakai di dada kiri. Jika lebih dari satu (1), hendaklah disusun lurus dan yang paling kanan lebih hampir dengan tengah dada.
2. Buah bintang / pingat dipakai dengan permukaan hadapannya menghadap ke luar.
3. Jika bintang / pingat melebihi dua (2), ia hendaklah disusun di atas satu palang yang panjangnya tidak **lebih daripada 15 cm**. Susunan adalah seperti berikut:
  - a. 3 @ 4 bintang / pingat: disusun tergantung **tanpa jarak**; dan
  - b.  $\geq 4$  bintang / pingat: disusun secara **tindih kasih** dengan permukaan **bintang / pingat yang terkanan kelihatan jelas**.
4. **Anak bintang** (*miniature*) hendaklah dipakai **hanya** pada waktu malam.

## F. Set Epolet dan Georget



Ahli Darjah D.M.N., S.M.N.  
& S.S.M.



Ahli Darjah P.M.N. &  
P.S.M.



Ahli Darjah P.J.N. &  
P.S.D.



Anggota Pentadbiran



Ahli Parlimen



Perkhidmatan Tadbir dan  
Diplomatik